

Beribu pengguna Putra-LRT terkandas dalam banjir kilat

Oleh FERZALFIE FAUZI

KUALA LUMPUR 25 Ogos – Beribu-ribu warga kota yang ingin pulang dari bekerja terkandas apabila perkhidmatan Putra-LRT di Stesen Masjid Jamek tergendala lebih sejam berikutan hujan lebat melanda ibu negara petang ini.

Tidak kurang enam buah kenderaan juga dilihat tenggelam dalam banjir kilat yang terjadi di sekitar stesen berkenaan.

Hujan lebat yang bermula kira-kira pukul 5 petang itu telah menyebabkan air naik dari 0.5 hingga satu meter dan ia cuma surut kira-kira tiga jam kemudian.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ruslin Hasan ketika ditemui di tempat kejadian berkata, hujan yang melanda ibu negara sejak akhir-akhir ini agak luar biasa hingga air naik dengan begitu cepat sekali.

"Kita sudah mengenal pasti beberapa kawasan yang dinaiki air petang ini antaranya Dang Wangi, Jalan Me-

laka, Lebu Ampang, Kampung Baru dan Salak Selatan," katanya pada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jelasnya, operasi pembersihan akan dijalankan serta merta oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) apabila banjir surut kelak.

Katanya, fenomena ini akan dapat diatasi apabila projek tebatan banjir, Sistem Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (SMART) siap dibina sepenuhnya pada tahun hadapan.

Sementara itu, juruteknik Jabatan Saliran dan Pengurusan Sungai (JS-PS) Kuala Lumpur, Mohd Herman Mohamad berkata, jumlah hujan yang turun hari ini mencatatkan bacaan kira-kira 80 milimeter sedangkan jumlah hujan yang normal adalah di antara 30 dan 40 milimeter.

"Dalam erti kata lain, hujan yang berlaku secara serentak di kawasan Lembah Klang dan Selangor telah menyebabkan Sungai Klang dan Sungai Gombak tidak mampu menerima hujan yang berlebihan," ujarnya.

ORANG ramai bersesak-sesak di stesen LRT Masjid Jamek selepas perkhidmatan itu tergendala lebih sejam berikutan banjir kilat di Kuala Lumpur, semalam.

– Gambar ABDUL RAZAK LATIF

Banjir kilat di Kuala Lumpur selesai 2007

KUALA LUMPUR 25 Ogos – Masalah banjir kilat di Kuala Lumpur akan diatasi sepenuhnya selepas projek Projek Pengurusan Banjir dan Terowong (SMART) disiapkan pada tahun 2007.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique berkata, dua terusan dan kolam takungan yang masih dalam proses pembinaan di utara Wilayah Persekutuan juga akan membantu menyelesaikan masalah itu.

"Aliran air dari terusan ini akan disalurkan terus ke Sungai Kerayung.

"Projek ini juga adalah satu projek dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Jalur Gemilang sempena Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-49 di sini hari ini.

Pada majlis itu, Zulhasnan menyerahkan 6,500 bendera kepada pelbagai pihak termasuk sekolah dan badan bukan kerajaan (NGO).

Zulhasnan menambah, buat sementara ini, satu pasukan penyelamat sudah ditubuhkan seandainya ada kejadian buruk akibat banjir kilat.

"Pasukan ini bekerja 24 jam dan akan membantu mangsa banjir untuk dibawa ke kawasan yang selamat.

"Biasanya mangsa banjir kilat tidak akan dipindahkan melainkan keadaan benar-benar memerlukan," jelasnya.

Katanya lagi, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat terkini daripada papan tanda projek Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS).



Sungai Kerayung gagal tampung limpahan air hujan

KUALA LUMPUR 25 Ogos – Banjir kilat yang mencetuskan kelim-kabut di sekitar ibu negara semalam berpunca daripada kegagalan Sungai Kerayung menampung limpahan air semasa hujan lebat hingga mengakibatkan beribu-ribu kenderaan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas yang teruk.

Menurut jurucakap dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah, hujan semalam merupakan hujan paling lebat dalam tahun ini, mencatatkan rekod luar biasa iaitu 64 milimeter dalam tempoh satu jam.

"Pihak kami sedar mengenai masalah yang berlaku dan sekarang ini kami sedang mengambil beberapa langkah mengatasi masa-

lah banjir di sekitar Sungai Kerayung ini.

"Projek pembinaan kolam takungan sedang dijalankan di Taman Desa dan satu lagi akan dibina di sekitar Flat Sri Johor, Cheras untuk menampung kelebihan air dari sungai tersebut," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jelasnya, pihak mereka juga akan memperbesar dan memperdalamkan lagi Sungai Kerayung untuk mengurangkan risiko banjir pada masa hadapan.

Berdasarkan laporan *Utusan Malaysia* hari ini, hujan lebat yang turun selama dua jam di ibu negara petang semalam menyebabkan berlaku keadaan kelim-kabut dengan beberapa kawasan mengalami banjir kilat, tanah

runtuh dan pokok tumbang.

Laluan yang paling teruk dinaiki air ialah Jalan Chan Sow Lin manakala laluan lain paras air dikatakan mencapai ketinggian 0.5 meter hingga satu meter.

Banjir kilat juga dilaporkan berlaku di Jalan Jelatek, Jalan Tun Razak dan Kampung Seri Indah, Jalan Sungai Besi.

Pada masa yang sama, wakil dari Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd., yang bertanggungjawab menjalankan Projek Pengurusan Banjir dan Terowong (SMART) menafikan banjir kilat itu berpunca dari kerja-kerja pembinaan mereka.

"Kami tidak ada sebarang kaitan dengan situasi yang berlaku (banjir) ini," jelasnya.



KENDERAAN turut terperangkap dalam banjir kilat di sekitar Masjid Jamek, Kuala Lumpur, semalam.